

APLIKASI KAEDAH-KAEDAH FIQH DALAM ISU-ISU SEMASA PANDEMIK COVID-19

APPLICATION OF FIQH RULES IN CURRENT PENDING COVID-19 ISSUES

ⁱ*Mualimin Mochammad Sahid, ⁱⁱFettane Amar, ⁱAhmad Syukran Baharuddin

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱKulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islam University Malaysia

*(Corresponding author) email: mualimin.sahid@usim.edu.my

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia hari ini telah mengorbankan lebih sejuta mangsa meninggal dan menjangkiti jutaan lagi manusia. Sejarah akan mencatat musibah ini sebagai musibah terbesar abad 21 yang telah mengubah struktur kehidupan manusia yang belum pernah berlaku sebelum ini. Pelbagai cabaran dialami manusia semasa musibah berlaku dan bermula lah apa yang dikenali sebagai norma baharu dalam hidup manusia sama ada secara individu mahupun masyarakat. Sebagai agama yang *Syamil* (lengkap) dan *salih likulli zaman wa makan* (sesuai dengan segala zaman dan tempat), ajaran Islam (Syarak) menjadi panduan yang dapat digunapakai dalam mendepani segala cabaran era baharu dan memberi jawapan (solusi) bagi isu-isu semasa Pandemik Covid-19. Artikel ini membincangkan aplikasi prinsip-prinsip (kaedah) fiqh yang digunapakai sebagai panduan dan jawapan pelbagai persoalan yang dihadapi masyarakat. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif iaitu menggunakan kajian perpustakaan dengan menganalisis dokumen primer dan sekunder seperti kitab rujukan (*turath*), serta penulisan akademik di dalam jurnal dan artikel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip ajaran syarak yang terhimpun dalam kaedah fiqh menjadi rujukan dalam menentukan sesebuah hukum isu-isu yang berlaku. Ini menjadi bukti bahawa keanjalan hukum syarak mampu mendepani pelbagai isu semasa yang sentiasa berubah. Prinsip *thawabit* (yang kekal tidak berubah) dan *mutaghayyirat* (yang berubah) tetap diambil kira sebagai satu dasar rujukan dalam hukum hakam syarak.

Kata kunci: Aplikasi, kaedah fiqh, pandemik, covid-19

ABSTRACT

The Covid-19 pandemic that hits the world today has killed more than a million victims and infected millions more. History will record this pandemic as the greatest catastrophe of the 21st century that has changed the structure of human life as never before. Various challenges are experienced by human beings during the disaster and they witness the beginning of what is known as the new norm in human life both individually and as a society. As a religion that is *Syamil* (complete) and *salih* (relevant) in all times and places, the teachings of Islam become a guide that can be used in facing all the challenges of the new era and provide answers and solutions to current issues of Pandemic Covid-19. This article discusses the application of the principles and methods of fiqh used as a guide and answers to various questions faced by society. The study uses a qualitative research methodology through library research by analyzing primary and secondary documents such as classical reference books (*kutub turath*), as well as academic writings in journals and articles. The findings of the study show that the principles of Islamic teachings gathered in the methods of fiqh (*qawaid fihiyyah*) become a reference in determining a law of issues that currently occur. This is proof that the elasticity of Islamic law is able to face various

current issues that are constantly changing. The principles of *thawabit* (issues in Islamic law which remain unchanged) and *mutaghayyirat* (changable issues) are still taken into account as a basis of reference in Islamic law.

Keywords: *Application, Fiqh Principles, Pandemic, Covid-19*

MUKADDIMAH

Berikutan perkembangan dan kemajuan zaman seperti yang disaksikan saat ini, telah memberi kesan ke atas kehidupan manusia dalam segala bidang. Berikutan itu pula, zaman moden ini turut menyaksikan pelbagai isu semasa yang sentiasa berubah dan mencabar. Salah satu cabaran semasa adalah berlakunya pandemik covid-19 yang melanda seluruh dunia dan telah mengubah cara hidup manusia keseluruhannya serta menjalani norma baharu bagi mengelakkan jangkitan virus yang berbahaya ini. Semua itu memerlukan rujukan dan panduan bagi memberi jawapan dan jalan keluar (solusi) untuk masalah yang dihadapi.

Islam sebagai agama rahmat bagi seluruh alam (*rahmatan lil'alam*) yang diyakini sebagai agama yang sesuai dengan segala tempat dan zaman menjadi panduan dan rujukan dalam mendepani perkembangan zaman. Keanjutan ajaran-ajaran yang kandung Islam dan dipandu dua sumber utama iaitu al-Qur'an dan as-Sunnah memberikan jawapan bagi segala isu yang berlaku.

Menerusi prinsip atau kaedah pengambilan hukum syarak seperti yang terkandung dalam ilmu usul fiqh dan disiplin ilmu lain yang berkaitan, isu-isu semasa hukum islam (*fiqh*) dapat diketahui hukum hakamnya. Justeru, meskipun pada kenyataannya nas (dalil tekstual) daripada al-Qur'an mahupun as-Sunnah sebagai sumber premier hukum syarak terbatas dan permasalahan hidup manusia yang sentiasa bertambah dan berkembang, namun kewujudan sumber-sumber hukum sekunder serta kaedah-kaedah fiqh yang terhasil dari kedua-dua sumber hukum dapat memberi jawapan isu-isu masa kini.

Artikel ini akan membahaskan persoalan berkaitan peranan prinsip-prinsip (kaedah) fiqh dalam mendepani cabaran semasa khasnya berkaitan dengan isu-isu pandemik Covid-19. Bagaimana kaedah-kaedah ini dapat diaplikasikan dalam memberikan panduan hukum bagi pelbagai persoalan semasa? Apakah isu-isu fiqh kontemporari ekoran penyebaran virus Covid-19 yang dirujuk keputusan hukumnya kepada kaedah-kaedah fiqh?

KEPENTINGAN PRINSIP-PRINSIP FIQH (*QAWAID FIQHIYYAH*)

Salah satu ciri yang istimewa dalam syariah Islam ialah ianya fleksibel dan sesuai dengan setiap zaman. Syariah Islam tidak jumud atau beku seperti yang difikirkan oleh segelintir orang. Hukum-hakam Islam tidak hanya terikat kepada nas-nas secara tekstual, literal dan zahir tetapi harus diselaraskan dengan prinsip dan kaedah fiqh bagi mendepani permasalahan umat dan peredaran zaman.

Islam bukan agama yang bersifat ritual semata-mata, tetapi ia merangkumi persoalan urusan kemasyarakatan seperti kekeluargaan, pendidikan, ekonomi (*iktisad*), perundangan (*nizam/qanun*), jihad dan pemerintahan (*siasah*) yang mana mesti diurus dengan penuh kebijaksanaan. Cabaran zaman dengan kemajuan teknologi, sistem ekonomi yang kompleks, urusan manusia yang makin rumit menyebabkan pelbagai permasalahan baharu timbul. Untuk itu, para ulama' perlu menguasai pelbagai bidang ilmu fiqh dengan lebih meluas untuk memenuhi keperluan umat seperti fiqh perbandingan, fiqh awlawiyyat, fiqh kenegaraan, fiqh ekonomi dan sebagainya. Para ulama mazhab telah banyak membicarakan perkara seperti ini. Di antara mazhab yang begitu luas mengambil kira kaedah-kaedah fiqh dalam ijtiadnya ialah mazhab Imam Abu Hanifah dan as-Syafi'i. (Al Juzairi, 2003)

Mengaplikasikan kaedah-kaedah fiqh bukan bermakna mengetepikan nas-nas al-Quran dan as-Sunnah tetapi sebaliknya, ia bertujuan untuk mengurus dan memandu urusan agama dan urusan manusia agar diselaraskan dengan keadaan dan masa demi kemaslahatan umat itu sendiri dan mencapai tujuan syariah (*maqasid syariah*). (Anwar Fakhri Omar, 2002)

PRINSIP-PRINSIP FIQH YANG DIGARISKAN OLEH ULAMA

Berdasarkan panduan dan merujuk dalil-dalil daripada al-Qur'an dan as-Sunnah, para ulama telah menyenaraikan pelbagai prinsip-prinsip (kaedah-kaedah) fiqh yang boleh menjadi panduan umat dalam mendepani cabara semasa dan masa hadapan. Kaedah-kaedah ini diambil dan dirumuskan oleh para ulama Islam bagi tujuan memudahkan rujukan mengetahui hukum-hakam persoalan yang baharu. Kemajuan zaman dengan pelbagai isu yang sentiasa baru dan berkembang sememangnya memerlukan panduan dan jawapan. Ini bagi membuktikan ajaran Islam adalah anjal dan relevan untuk segala tempat dan masa (*salih li kulli makan wa zaman*).

Terdapat pelbagai kaedah fiqh yang merangkumi segala bidang dan aspek hukum. Kesemuanya memiliki sandaran dan rujukan dalil yang diambil daripada dalil (sumber hukum syarak) yang sah dan diakui. Dengan merujuk dan mengaplikasi kaedah-kaedah fiqh ini, pengambilan hukum dan usaha mendapatkan akan jawapan status hukum syarak lebih mudah dilakukan. Ini adalah salah satu kepentingan dan manfaat disusunnya kaedah-kaedah fiqh.

Diantara puluhan kaedah yang telah disusun dan dirangkum oleh ulama, berikut adalah beberapa kaedah fiqh yang populer dan biasa dipraktikkan serta diaplikasikan dalam pengambilan hukum fiqh khasnya isu-isu semasa:

Kaedah Fiqh Berkaitan Isu Darurat:

Isu-isu semasa yang ditimbulkan oleh kesan penyebaran wabak Covid-19 banyak yang berkaitan dengan persoalan situasi darurat yang mengharuskan sesuatu hukum. Bagi usaha mencegah penularan wabak dan melindungi nyawa, status darurat dan kesukaran yang berlaku dirujuk bagi menentukan hukum-hakamnya. Di antara prinsip-prinsip fiqh yang digariskan oleh ulama berkaitan isu ini adalah seperti kaedah: Dharurat mengharuskan sesuatu larangan, Tidak boleh memudaratkan diri dan tidak boleh memudaratkan orang lain, Mudarat itu dicegah seberapa yang mampu, Mudharat itu dihilangkan seberapa yang mampu, Mudharat tidak boleh dihilangkan dengan satu mudharat yang sama atau yang lebih besar, Mudharat yang khusus boleh ditanggung untuk menolak mudharat yang umum, Mudharat yang rendah boleh ditanggung untuk menolak mudharat yang lebih tinggi, Boleh menanggung mudharat yang lebih ringan dari dua mudharat yang ada, Apa-apa yang diharuskan kerana sebab dharurat, adalah dibataskan dengan batasan tertentu. (al Zarqa, 1989)

Kaedah Fiqh Berkaitan Manfaat atau Maslahat:

Adapun berkaitan isu dan status manfaaat atau maslahat, terdapat beberapa kaedah fiqh yang boleh diaplikasikan bagi mengambil hukum persoalan semasa, khasnya kesan daripada pandemik Covid-19 seperti:

Setiap perkara dinilai mengikut niat dan tujuan, Menolak kerosakan lebih utama dan mengambil manfa'at, Kerosakan yang sedikit dimaafkan demi untuk mengambil maslahat yang besar, Ditinggalkan maslahat yang lebih rendah dan dua maslahat yang ada, Asal bagi segala persoalan kebiasaan dan muamalat, ialah melihat pada sebab dan maslahah, Kemungkaran tidak boleh dihilangkan dengan kemungkaran yang lebih besar, Hukum asas dalam urusan mua'malat (jual beli) adalah kembali melihat tujuannya dan maslahat kebaikan (yang boleh dicapai daripadanya), Menolak kerosakan lebih utama dan mengambil manfa'at, Kerosakan yang sedikit dimaafkan demi untuk mengambil maslahat yang besar, Ditinggalkan maslahat yang lebih rendah dan dua maslahat yang ada. (al Zarqa, 1989)

Kaedah Fiqh berkaitan prinsip kemudahan dan Kesulitan dan Islam

Islam adalah agama yang bercirikan membawa kemudahan dan meringankan kesulitan. Ajaran-ajarannya berdasarkan kepada unsur-unsur memudahkan manusia. Konsep ini secara jelas telah dinyatakan di

dalam al-Qur'an mahupun as-Sunnah dan diperincikan dalam kaedah-kaedah hukum fiqh diantaranya adalah seperti berikut:

Jika sesuatu perkara menjadi sempit, ia sendiri akan menjadi luas, Tidak dapat disangkal bahawa beberapa jenis hukum berubah dengan perubahan masa (dan tempat), Kesukaran yang bersangatan boleh membawa kepada keringan (dalam menentukan hukum), Kesulitan akan mendatangkan kemudahan, Jika sesuatu perkara menjadi sempit, ia sendiri akan menjadi luas, Setiap perkara dinilai mengikut niat dan tujuan, Adat (uruf) adalah sumber hukum, Apa yang hampir sama dengan sesuatu perkara, maka diambil hukumnya. (al Zarqa, 1989)

KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KEHIDUPAN SEMASA

Dunia saat ini sedang dilanda pandemik Covid-19 yang telah mengorbankan jutaan mangsa. Wabak Covid-19 ini adalah sejenis penyakit yang menyerang sistem pernafasan manusia yang pada mulanya dikenali sebagai radang paru-paru atau penyakit pneumonia. Setelah kajian dilakukan, penyakit ini adalah disebabkan oleh sejenis virus baru yang merbahaya iaitu virus dari kumpulan β -CoVs, SARS-CoV (Sindrom Pernafasan Akut teruk-Coronavirus) (Cirrincione et al., 2020)

Penyakit yang disebabkan oleh Coronavirus ini dinamakan sebagai penyakit Coronavirus 2019 atau COVID-19 oleh Organisasi Kesihatan Dunia (WHO). Pada 30 January 2020, organisasi ini telah mengistiharkan wabak Coronavirus 2019 ini atau COVID-19 sebagai Darurat Kesihatan Awam Antarabangsa (PHEIC) kerana berlaku peningkatan kes positif dan kematian yang mendadak diseluruh dunia yang disebabkan oleh wabak Coronavirus ini. (Anastassopoulou, Russo, Tsakris, & Siettos, 2020)

Jutaan kes positif dan kematian COVID-19 diseluruh dunia telah direkodkan oleh Organisasi Pertubuhan Dunia dan angkanya dijangka akan makin bertambah jika vaksin atau rawatan pencegahan dan pemulihan tidak dilakukan dengan segera. Sehingga hari ini, 13 Ogos 2020, melalui rekod yang dicatatkan oleh (Widiyani, 2020) (World Health Organization, 2020) dalam laman web rasminya terdapat 20 162 474 kes positif COVID-19 yang telah disahkan termasuklah 737 417 kes kematian telah direkodkan.

Kesan daripada ini, telah muncul pelbagai isu dan permasalahan berkaitan usaha dalam menghadapi pandemik ini. Isu-isu baharu dan persoalan yang berkaitan kesan-kesan fizikal dan sosial daripada penyakit baharu ini semakin banyak yang memerlukan jawapan atau solusi dari segi hukum-hakam agama. Keadaan dunia yang sedang berubah ekoran wabak ini memerlukan rujukan dan panduan yang jelas daripada Syarak. Norma baharu yang terpaksa dilalui oleh masyarakat telah mengubah cara hidup sehari-hari termasuklah amalan keagamaan yang perlu disesuaikan dengan keadaan semasa. (Habibi, 2020)

Isu-isu keagamaan yang terkesan semasa pandemik ini dan berubah kerana mengikut segala arahan pemerintah di antaranya adalah penangguhan solat jemaah dan Jumaat di surau dan masjid termasuk solat Aidilfitri dan Aidiladha, ibadat haji dihadkan hanya untuk penduduk sekitar tanah harm (Mekah dan Madinah) sahaja, akad nikah secara atas talian, transaksi pembayaran zakat atas talian, kaedah rawatan dan pengubatan pesakit Covid-19 menggunakan bahan-bahan yang tidak halal, dana lain-lain persoalan semasa. Isu-isu ini memerlukan jawapan dan penjelasan segera bagi memberikan solusi terbaik agar tidak menjejaskan kehidupan masyarakat khususnya mereka yang beragama Islam. Justeru, perlu dirujuk dan diambil segala jawapan itu semua daripada dua (2) sumber Syarak, iaitu al-Qur'an dan As-Sunnah.

KAEDAH FIQH SEBAGAI RUJUKAN DAN PANDUAN DALAM MENJAWAB ISU-ISU SEMASA

Terdapat banyak kaedah fiqh yang boleh dipraktikkan dan dirujuk bagi mendapatkan solusi dan jawapan dari pelbagai isu dan persoalan yang timbul. Islam telah menyediakan dalil dan kaedah agama yang boleh dirujuk bagi menjelaskan isu-isu berkaitan perubahan-perubahan yang berkaitan ibadat mahupun mualamat. Dalam bidang perubatan juga memerlukan penjelasan berkaitan cara rawatan atau

penggunaan bahan-bahan yang dilarang oleh Syarak. Ia memerlukan jawapan yang benar dan jelas bagi merungkai segala kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat. Justeru, perincian dan penjelasan isu-isu ini berdasarkan kaedah fiqh adalah seperti berikut:

Justifikasi Penangguhan Amalan Ibadat Seperti Solat Berjamaah, Solat Jumaat, Solat Aidilfitri dan Aidiladha

Bagi tujuan mengurangkan jangkitan pandemik Covid-19 umat Islam digalakkan untuk kekal berada di rumah dan tidak keluar kecuali untuk urusan yang mendesak. Bahkan kerajaan selepas merujuk Kementerian Hal Ehwal Agama dan Mufti-Mufti negeri memutuskan untuk menangguhkan aktiviti ibadat seperti solat Jumaat, solat berjamaah di masjid dan juga solat hari raya serta majlis korban. Disamping itu, masyarakat juga diarahkan untuk mematuhi segala SOP (Prosedur Operasi Standard) yang ditetapkan dan juga menjalani norma baharu dan kehidupan aktiviti harian.

Berkaitan penangguhan solat Jumaat, merujuk kepada fatwa dan keputusan mufti-mufti serta ulama seluruh dunia, meskipun hukumnya adalah wajib bagi mereka yang memenuhi tujuh syarat, iaitu Beragama Islam, Baligh, Berakal, Merdeka (bebas) sepenuhnya, Lelaki dan Sihat tubuh badan, namun berdasarkan keadaan semasa penularan wabak Covid-19 hukumnya bertukar kepada tidak wajib.

Ini berdasarkan pandangan mufti-mufti sedia yang menyatakan bahawa haram hukumnya bagi sesiapa yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti virus tersebut untuk berada di tempat yang umum atau pergi ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat, berjamaah mahupun solat hari raya. Wajib juga untuk mengambil segala langkah pencegahan.

Pandangan lain mengatakan: Solat Jumaat tidak boleh dibatalkan, melainkan di tempat-tempat di mana virus tersebut telah menjadi satu epidemik yang tersebar secara meluas. Syeikh Ali al-Qaradaghi berpendapat: “Harus untuk meninggalkan solat Jumaat dan solat berjamaah dalam keadaan virus yang sedang tersebar disebabkan oleh takut dijangkiti virus tersebut. Keharusan ini perlulah disyaratkan bahawa ketakutan penyebaran itu benar-benar yakin berlaku dan bukanlah pada sangkaan semata-mata”. (Zulkifli Muhamad Al-Bakri, 2020) Garis panduan dan protokol atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan kerajaan, menunjukkan secara jelas kepentingan memastikan maslahat (manfaat dan kebaikan) bagi individu mahupun masyarakat, khasnya semasa pandemik Covid-19. Justeru, apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan adalah bukan semata-mata mencapai matlamat dan mematuhi norma baharu semasa pandemik bagi membendung penularan atau jangkitan virus Covid-19, namun ia juga menepati kehendak Syarak dalam perkara mengambil manfaat dan menolak kemudharatan.

Disamping itu, segala aktiviti dan protokol yang meliputi kawalan penularan dan jangkitan virus Covid-19 dilihat sangat bertepatan dengan konsep *Maqasid Syariah* dalam menjaga keselamatan nyawa (*hifz al-nafs*). Segala langkah dan protokol yang dijalankan adalah bagi memastikan keselamatan diri, sama ada individu mahupun masyarakat dipelihara.

Dalam keadaan seperti di saat pandemik Covid-19 masih lagi melanda dan belum diketahui bila ia berakhir, sikap berhati-hati dan berjaga-jaga adalah menepati kehendak Syarak. Segala norma baharu dan amalan keseharian bagi mengelakkan jangkitan, serta membendung penularan wabak yang masih dilihat tinggi di banyak tempat dan negara ini perlu sentiasa diberi perhatian dan keutamaan. Ia bagi tujuan menjaga nyawa dan memelihara keselamatan manusia yang merupakan satu diantara lima (5) keperluan utama yang dijaga dan dipelihara oleh Syarak. Justeru, dibenarkan meninggalkan atau menangguhkan ibadat sama ada yang wajib mahupun sunat bagi memberi tumpuan dan keutamaan kepada sesuatu yang lebih penting. Memastikan nyawa terjaga dan terpelihara, dan menjauhkan diri dari segala yang merosakkan adalah satu kewajipan yang perlu diutamakan dari perkara dan amalan lain seperti solat Jumaat, solat sunat hari raya serta majlis ibadat Korban. (Mualimin Mochammad Sahid, 2018)

Justifikasi Penangguhan Ibadat Haji Untuk Penduduk Luar Mekah Dan Madinah

Berdasarkan konsep syarak tentang *maslahah* dan sebagai mengaplikasikan salah satu prinsip fiqh (keadah fiqhiyyah) ‘*menolak kemudharatan diutamakan dari mengambil kemaslahatan*’ ulama seluruh

dunia mengeluarkan fatwa berkaitan kewajipan menunaikan ibadat haji semasa pandemik Covid-19. Secara konsensus, diputuskan bahwa menunaikan haji di saat ancaman pandemik adalah tidak wajib. Ini adalah bagi mengelakkan kemudaratan yang akan berlaku iaitu penularan wabak virus Corona yang telah membunuh dan menjangkiti jutaan manusia di seluruh dunia. (Lembaga Tabung Haji, 2020)

Sebagai langkah berjaga-jaga dan menolak kemudaratan yang besar, kerajaan Arab Saudi telah memutuskan untuk menghadkan jumlah jemaah yang akan menunaikan ibadah haji, iaitu dari kalangan mereka yang berada di negara Arab Saudi menerusi sistem undian serta mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19 yang ketat. Justeru, kemasukan jemaah haji dari luar Arab Saudi adalah ditangguhkan. Keputusan oleh kerajaan Arab Saudi ini mendapat sokongan dan pujian daripada para ulama di seluruh dunia.

Di Mesir misalnya, Imam Besar al-Azhar Ahmed al-Tayeb mengatakan keputusan Arab Saudi untuk membataskan jumlah jemaah melaksanakan ibadah haji adalah sesuai dengan syarak ekoran bahaya yang akan ditimbulkan jika ibadah haji tetap dilaksanakan semasa pandemik Covid-19 masih tinggi tingkat penularannya. Setiausaha Organisasi Kerja sama Islam (OIC) Youssef bin Ahmed al-Othaimeen menerusi kenyataan rasminya menegaskan bahawa organisasi yang dipimpinnya mendukung keputusan Arab Saudi berkaitan pelaksanaan ibadah haji di saat pandemik, dengan tujuan mengutamakan kesihatan dan keselamatan para jemaah. Muhammad al-Issa, Presiden Liga Muslim Dunia, iaitu organisasi yang beribu pejabat di Mekah berpendapat bahawa keselamatan jemaah semasa pelaksanaan ibadah haji adalah sebuah keutamaan, dan mencegah penularan virus corona dengan menghadkan jumlah jemaah yang berhaji adalah satu tindakan yang tepat. (Channel, 2020)

Justeru itu, kerajaan dari negara-negara seluruh dunia menangguhkan penghantaran jemaah haji tahun ini. Salah satunya adalah kerajaan Malaysia yang memutuskan bahawa ibadat haji untuk semua rakyat Malaysia bagi Musim Haji 1441 Hijrah adalah ditangguhkan sehingga ke tahun hadapan atau setelah berakhirnya pandemik Covid-19. Keputusan ini adalah berdasarkan taklimat yang disampaikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Lembaga Tabung Haji serta perbincangan ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang telah bersidang pada 9 Jun 2020.

Keputusan ini adalah berdasarkan fakta bahawa sehingga kini, masih belum ada vaksin yang sesuai untuk mengekang penyebaran virus COVID-19 yang telah meragut banyak nyawa di seluruh dunia. Ibadat haji yang merupakan Rukun Islam kelima berkait rapat dengan syarat *istito'ah*, iaitu berkemampuan menunaikan haji dari aspek kesihatan, keselamatan, keizinan melakukan perjalanan ke Tanah Suci dan kewangan. Tanpa keupayaan atau kemampuan pada hal-hal yang disebutkan, maka menurut hukum syarak syarat *istito'ah* tidak dicapai untuk mewajibkan kita menunaikan haji. (Lembaga Tabung Haji, 2020)

Panduan Syarak Dalam Urusan Muamalat Semasa Pandemik Covid-19

Sejak berlakunya pandemik Covid-19 yang bermula pada awal bulan Mac 2020, segala usaha kerajaan telah dilakukan bagi mengekang penularan virus berbahaya ini. Pelbagai keputusan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kewajipan mengikuti segala Prosedur Operasi Standard (SOP) dilaksanakan di seluruh negara. Ekoran itu bermula satu kebiasaan atau norma baharu yang diamalkan oleh segenap kalangan masyarakat bagi menghindar dari jangkitan virus. Banyak perubahan yang berlaku dalam aktiviti keseharian masyarakat yang kesemuanya berasaskan pencegahan penularan wabak iaitu amalan penjarakan fizikal dan sosial. Justeru urusan muamalat turut menyesuaikan keadaan semasa dengan menggunakan kemudahan teknologi informasi menerusi talian internet. Aktiviti atas talian (online) semakin populer dan menjadi kebiasaan (norma) baharu masyarakat.

Berdasarkan prinsip-prinsip fiqh berkaitan konsep *rukhsah* (keringanan) dan kemudahan dalam syarak, serta *maslahat*, segala transaksi moden yang dijalankan menerusi online (atas talian) adalah menepati kehendak syarak dan harus hukumnya dengan merujuk kaedah fiqh yang ada. Diantara kaedah-kaedah tersebut adalah: *Hukum asas dalam urusan mua'malat (jual beli) adalah kembali melihat tujuannya dan maslahat kebaikan (yang boleh dicapai daripadanya), Kesukaran yang bersangkutan boleh*

membawa kepada keringan (dalam menentukan hukum), Kaedah uruf atau adat dijadikan hukum, Asal bagi segala sesuatu adalah harus, dan Asal bagi segala persoalan kebiasaan dan muamalat, ialah melihat pada sebab dan masalah. (al Zarqa, 1989)

Prinsip-prinsip hukum syarak ini mengandungi satu matlamat iaitu kebaikan (maslahat) bagi manusia dan kemudahan urusan (muamalat) mereka dengan syarat tidak melanggar ajaran atau hukum syarak.

Keharusan Menggunakan Bahan-Bahan Tidak Halal Dalam Proses Rawatan dan Pengubatan Pesakit Covid-19

Syariat Islam telah memberikan panduan manusia dalam mendepani musibah yang melanda. Semasa pandemik Covid-19 ini, terdapat banyak kaedah fiqh yang boleh dipraktikkan bagi memberi jawapan terhadap pelbagai isu dan persoalan yang berlaku. Salah satunya adalah dalam bidang perubatan terutamanya dalam keadaan darurat. Darurat boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan dimana seseorang itu berhadapan dengan situasi yang melibatkan keselamatan nyawa atau harta bendanya. Maka, isu mengenai kes Covid-19 yang berlaku pada dunia hari ni merupakan satu keadaan darurat dimana masih tidak ada vaksin atau rawatan yang ditemui. Ketiadaan ini boleh mengancam nyawa pesakit. Maka isu mengenai rawatan berunsurkan najis adalah dibenarkan dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa selari dengan tuntutan syariah berdasarkan kaedah-kaedah fiqh. Kaedah-kaedah ini sangat membantu pengamal perubatan dalam mempraktikkan amalan perubatan agar ia selari dengan tuntutan Syarak. (Zulkifli Muhamad Al-Bakri, 2019a)

Antara kaedah fiqh yang dapat diaplikasikan berkaitan dengan perubatan adalah:

1. Keadaan – keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang terlarang (*al-Dharurat tubihu al-mahdhurat*)

Kaedah ini menjelaskan bahawa keadaan darurat menjadi sebab diharuskan melakukan sesuatu yang dilarang sekadar untuk menyelamatkan nyawa sahaja. Sebagai contoh, ubat yang mengandungi najis diharuskan dalam perubatan dengan syarat dengan dipandu oleh doktor yang dipercayai dalam urusan agamanya dan juga pakar dalam bidang perubatan. Doktor ini juga hendaklah memastikan tiada ubat atau vaksin halal yang boleh diambil untuk merawat sesuatu penyakit melainkan dengan perawatan yg berunsurkan najis ini. (Zulkifli Muhamad Al-Bakri, 2019b) Maka keadaan ini dikategorikan sebagai darurat. Justeru itu, pengambilan rawatan dari segi ubat-ubatan, vaksin dan terapi yang berunsurkan najis adalah dibenarkan berdasarkan kaedah ini.

2. Kemudaratan itu ditentukan mengikut kadarnya sahaja (*al-Dharurat tuqaddaru bi qadariha*)

Walaupun keadaan darurat mengharuskan melakukan perkara yang dilarang, akan tetapi kaedah ini tidak bersifat mutlak kerana ianya hendaklah diukur mengikut kadar dan ukurannya iaitu untuk menghilangkan darurat sahaja. Pengharusan terhadap perkara yang dilarang syarak hanyalah sekadar untuk melepaskan diri daripada bahaya mati atau kemudaratan yang lain. (Siti Fariza M.F, Hasanah A.K, Irwan M.S, 2018) Perkara ini bertujuan untuk menjaga masalah yang paling besar dalam maqasid syariah iaitu menjaga nyawa. Rawatan yang berunsurkan najis harus digunakan untuk merawat pesakit sekadar untuk menghilangkan kemudaratan sahaja. Rawatan ini tidak dibenarkan diberikan kepada pesakit lain yang tidak dikategorikan dalam keadaan darurat.

3. Mudarat itu hendaklah dihilangkan semampu yang mungkin (*al-Dharar Yudfa'u bi Qadri al-Imkan*)

Kemudaratan itu wajib dihilangkan dengan sedaya upaya dengan usaha yang efektif dan serius untuk menghilangkan mudarat dan mencegahnya daripada berlaku. Dalam konteks perubatan, ubat-ubatan yang berunsurkan najis merupakan satu masalah yang sangat penting untuk menghilangkan kemudaratan yang dihadapi oleh pesakit sekiranya tidak ada rawatan halal yang lain. Kajian dan penelitian terhadap ubat-ubatan perlulah dijalankan dengan dibantu oleh pakar – pakar perubatan yang berpengalaman dan dipercayai dengan tujuan untuk menghasilkan manfaat dan menghilangkan

mudarat. Maka rawatan yang berunsurkan najis ini dibenarkan dalam syarak dengan tujuan untuk perubatan dan tidak ada perawatan yang lain untuk menghilangkan penyakit ini melainkan dengan cara rawatan berunsurkan najis.

4. Kemudaratan yang lebih berat dihilangkan dengan kemudaratan yang lebih ringan (*al-Dhararu al-Asyaddu Yuzalu bi al-Dharar al-Akhaff*)

Rawatan yang berunsurkan najis adalah dilarang dalam syarak kerana najis mempunyai keburukan dan kemudaratan kepada manusia. Akan tetapi, kemudaratan ke atas tubuh badan sehingga menyumbang kepada risiko kematian adalah lebih besar sekiranya tidak mengambil rawatan berunsurkan najis ini. Maka keadaan ini dikategorikan sebagai darurat. Kemudaratan yang berlaku disebabkan tidak mengambil rawatan ini adalah lebih diutamakan untuk dicegah daripada kesan sampingan najis itu yang tidak sampai kepada tahap yang boleh mengancam nyawa. Keadaan ini membolehkan sesuatu yang haram menjadi halal.

KESIMPULAN

Keadaan semasa dan cabaran masa kini ekoran pandemik Covid-19 telah banyak mengubah pola hidup seharian manusia. Islam sebagai agama yang berciri khas rahmat bagi seluruh alam terbukti mampu memberikan jawapan dan jalan keluar bagi setiap permasalahan hidup yang sentiasa berkembang. Ini menerusi ajaran-ajaran syarak yang berpandukan sumber-sumber hukum islam sama ada premier mahupun sekunder. Hukum-hukum bagi isu-isu semasa yang sentiasa berubah dan berkembang mengikut kemajuan zamand dapat diambil daripada sumber-sumber syarak yang bersifat anjal. Berdasarkan sumber-sumber hukum syarak ini pula dirumuskan dan disusun pelbagai prinsip-prinsip fiqh (*qowaid fihiyyah*) oleh para ulama untuk memudahkan pengambilan hukum bagi isu-isu baharu. Dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip fiqh ini, segala persoalan yang timbul ekoran kesan pandemik Covid-19 mendapat jawapannya. Justeru, segala norma baharu dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dijalankan adalah berpandukan syarak menerusi aplikasi qawaid fiqh ini.

RUJUKAN:

- Al Juzairi, A. (2003). *Al Fiqh ala al Mazahib al Arbaah* (2nd ed.). Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyah.
- al Zarqa, A. M. (1989). *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah* (2nd ed.). Damascus, Syria: Dar al-Qalam.
- Anastassopoulou, C., Russo, L., Tsakris, A., & Siettos, C. (2020). Data-based analysis, modelling and forecasting of the COVID-19 outbreak. *PLoS ONE*.
<https://doi.org/10.1371/journal.pone.0230405>
- Anwar Fakhri Omar. (2002). Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Permasalahan Fiqh. *Jurnal Islamiyyat Jil.23*.
- Channel, A. (2020). Coronavirus: Saudi Arabia holds 'limited' Hajj pilgrimage for various nationalities | Al Arabiya English. Retrieved October 12, 2020, from <https://english.alarabiya.net/en/coronavirus/2020/06/22/Coronavirus-Saudi-Arabia-to-hold-limited-Hajj-pilgrimage>
- Cirincione, L., Plescia, F., Ledda, C., Rapisarda, V., Martorana, D., Moldovan, R. E., ... Cannizzaro, E. (2020). COVID-19 Pandemic: Prevention and protection measures to be adopted at the workplace. *Sustainability (Switzerland)*. <https://doi.org/10.3390/SU12093603>
- Habibi, A. (2020). Normal Baru Pasca Covid-19. *Journal.Uinjkt.Ac.Id*.
<https://doi.org/10.15408/adalah.v4i1.15809>

- Lembaga Tabung Haji. (2020). Kerajaan Malaysia Tangguh Hantar Jemaah Haji Ke Tanah Suci Demi Keselamatan Dan Kesihatan Jemaah | Tabung Haji. Retrieved October 12, 2020, from <https://www.tabunghaji.gov.my/en/press-release/thu-06112020-1200/kerajaan-malaysia-tangguh-hantar-jemaah-haji-ke-tanah-suci-demi>
- Mualimin Mochammad Sahid. (2018). *Muzakkirah Fi Maqasid Syariah* (1st ed.). Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Siti Fariza M.F, Hasanah A.K, Irwan M.S, A. A. . (2018). Aplikasi Kaedah Fiqh Al-Darurag Tuqaddar Biqadariha Dalam Agihan Zakat Untuk Mangsa Banjir. *Jurnal of Fatwa Management and Research*.
- Widiyani, R. (2020). Tentang New Normal di Indonesia: Arti, Fakta dan Kesiapan Daerah.
- World Health Organization. (2020). Coronavirus disease (COVID-19). Retrieved October 12, 2020, from https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019?gclid=CjwKCAjwps75BRACeiwAEiACMYXRXSv135O3TuSJ4CxJot1CDFHnBaNP86rjSjlrexPWvyvidIr2RoCdJYQAvD_BwE
- Zulkifli Muhamad Al-Bakri. (2019a). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - AL-KAFI #1345: PENGGUNAAN BAHAN YANG HARAM DALAM PERUBATAN. Retrieved October 12, 2020, from <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3637-al-kafi-1345-penggunaan-bahan-yang-haram-dalam-perubatan>
- Zulkifli Muhamad Al-Bakri. (2019b). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - BAYAN LINNAS SIRI KE-189: MAQASID SYARIAH DALAM PERUBATAN. Retrieved October 12, 2020, from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>
- Zulkifli Muhamad Al-Bakri. (2020). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - AL-KAFI #1657: HUKUM SOLAT JUMAAT DALAM SUASANA COVID-19. Retrieved October 12, 2020, from <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4318-al-kafi-1657-hukum-solat-jumaat-dalam-suasana-covid-19>